

BAB 3

WAKAF TUNAI DAN PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT

ISLAM

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan mengenai konsep pembangunan ekonomi menurut ekonomi konvensional dan Islam, dan hubungkait wakaf tunai dalam pembangunan ekonomi. Huraian dimulakan dengan definisi pembangunan ekonomi, indikator-indikator pembangunan ekonomi yang digunakan dan matlamat yang perlu dicapai dalam usaha membangunkan sesebuah ekonomi.

Seterusnya, bab ini menerangkan mengenai latar belakang demografi dan ekonomi Pulau Pinang bagi menggambarkan kedudukan masyarakat Islam di Pulau Pinang. Setelah itu, membincangkan pula mengenai potensi wakaf tunai dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam.

3.2 Pembangunan Ekonomi

Pembangunan Ekonomi mempunyai pengertian yang lebih meluas. Pada awal kemunculan pemikiran pembangunan ekonomi, pendapatan per kapita dijadikan ukuran asas bagi menggambarkan pembangunan ekonomi dalam sesebuah negara. Walau bagaimanapun, banyak negara yang ketika itu telah berjaya mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi tetapi taraf hidup rakyatnya masih dibelenggu dengan masalah kemiskinan, pengangguran dan ketidakseimbangan dalam agihan kekayaan. Oleh itu,

dasar pembangunan ekonomi telah diubah agar pembangunan ekonomi yang hendak dicapai menjadi lebih seimbang dan menyeluruh¹.

3.2.1 Definisi Pembangunan Ekonomi

Perkataan "pembangunan" menurut Kamus Dewan berasal daripada perkataan "bangun". Pembangunan ditakrifkan sebagai perihal membangun, proses membangun (mencapai kemajuan dan perkembangan), atau usaha dan kegiatan membangun (memajukan dan mengembangkan)². Pembangunan ekonomi boleh dilihat sebagai suatu proses yang pendapatan per kapita sesuatu negara itu kekal bertambah selain petunjuk-petunjuk lain yang menunjukkan perkembangan ekonomi, iaitu pengagihan pendapatan yang lebih saksama, kadar pengangguran yang rendah dan kepelbagaian ekonomi³.

Menurut Todaro, definisi pembangunan dalam ekonomi klasik adalah berdasarkan kepada keupayaan ekonomi sesebuah negara untuk mencapai dan mengekalkan pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KNK) pada kadar 5 peratus hingga 7 peratus ke atas setahun. Ini boleh diuji dengan melihat kepada pendapatan per kapita sesebuah negara bagi melihat keupayaan negara mengeluarkan outputnya pada kadar yang lebih cepat daripada kadar pertumbuhan penduduknya⁴. Sejajar dengan teori itu, maka Jepun telah diiktiraf sebagai negara maju kerana telah berjaya mengekalkan kadar pertumbuhan per kapitanya secara berterusan semenjak tahun 1886 walaupun pendapatan per kapitanya lebih kurang sama dengan beberapa buah negara lain atau kurang daripada beberapa buah negara lain pada tahun 1953⁵.

¹ Michael P. Todaro dan Stephen C. Smith (2006), *Economic Development*, England: Pearson Education Limited, Edisi. ke-9, h.17; Ab. Razak Dan (2004), "Kajian Ekonomi Pembangunan" dalam Nor Aini Haji Idris dan Ab. Razak Dan (eds.), *Teori Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), C. ke-2, h.23

² *Kamus Dewan* (2007), Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, C. ke-2, h.123

³ Leow Mee Lin (1988), *Kamus Istilah Ekonomi*, Shah Alam: Biroteks Institut Teknologi Mara (ITM), h.71

⁴ Michael P. Todaro dan Stephen C. Smith (2006), *op.cit.*, h.15; Ab. Razak Dan (2004), *op.cit.*, h.22

⁵ Muhammad Abdul Mannan (1983), *Islamic Economics Theory and Practice (A Comparative Study)*, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf Publishers, h.339

Walaupun bagaimanapun, pada tahun 1950an dan 1960an beberapa buah negara yang telah berjaya mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi tetapi taraf hidup rakyatnya tidak mengalami perubahan malah mengakibatkan jurang ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan⁶ dan kadar pengangguran yang meningkat⁷. Sehubungan dengan itu, para ahli ekonomi mula mengkaji semula definisi pembangunan sebenar. Todaro menjelaskan bahawa pembangunan sesebuah negara merupakan suatu proses pelbagai dimensi yang melibatkan perubahan besar antaranya dalam struktur sosial, sikap, dan institusi kerajaan. Justeru, pertumbuhan ekonomi yang berlaku dalam masa yang sama dapat mengurangkan ketidakseimbangan dan membasmi kemiskinan di negara tersebut. Pembangunan mestilah menggambarkan pembaikan yang berlaku dalam sistem sosial baik dari aspek kebendaan dan juga spiritual⁸.

Amartya Sen berpendapat bahawa pertumbuhan ekonomi bukanlah merupakan matlamat akhir yang hendak dicapai. Akan tetapi pembangunan mestilah lebih mengambil kira peningkatan hidup yang sedang dijalani dan kebebasan yang dinikmati⁹. Justeru, bagi mencapai pembangunan ekonomi, Denis Goulet telah menggariskan tiga komponen asas yang perlu ada, iaitu kemampuan individu untuk mendapatkan keperluan asas, penghargaan diri sebagai manusia dan kebebasan memilih seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1¹⁰.

⁶ Sehingga 40% daripada populasi di negara-negara tersebut merupakan golongan yang berpendapatan rendah. Lihat Michael P. Todaro dan Stephen C. Smith (2006), *op.cit.*, h.16


⁷ Ab. Razak Dan (2004), *op.cit.*, h.23

⁸ Michael P. Todaro dan Stephen C. Smith (2006), *op.cit.*, h.17

⁹ Amartya Sen (1999), *Development as Freedom* dalam *Ibid.*, h.17-20

¹⁰ Denis Goulet(1971), *Cruel Choice* dalam *Ibid.*, h.20-22

Rajah 3.1
Komponen Asas Pembangunan Ekonomi



Sumber: Dipetik daripada Asmak Ab Rahman (2009), "Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil.17, Bil. 1, Januari-April 2009, h.113-152

Nor Aini Idris dan Ishak Yussof telah menjelaskan mengenai hubungkait antara kepentingan memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, kesihatan dan perlindungan bagi semua lapisan masyarakat dengan pembangunan negara:

"Keterbatasan pencapaian terhadap kemudahan asas seperti perhubungan, perumahan yang selesa, kesihatan dan pendidikan menyumbang kepada produktiviti yang rendah di kalangan golongan miskin. Keadaan ini menjadi punca kepada pendapatan golongan miskin cenderung rendah dan boleh menghadkan perumbuhan pasaran domestik. Secara teorinya, permintaan domestik yang tinggi boleh merangsang aktiviti pengeluaran tempatan, mewujudkan peluang pekerjaan serta menggalakkan pelaburan. Oleh itu, peningkatan pendapatan golongan miskin merupakan asas untuk meningkatkan permintaan domestik yang selanjutnya boleh membawa kepada pertumbuhan ekonomi. Usaha meningkatkan kemudahan asas golongan miskin ini dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi secara menyeluruh."¹¹

Oleh itu, pembangunan ekonomi bukan sahaja merujuk kepada peningkatan keluaran (pendapatan) atau keluaran (pendapatan) per kapita sahaja bahkan melibatkan perubahan struktur ekonomi. Ini termasuklah kepentingan sektor yang telah berubah kepada perindustrian, perbandaran yang berlaku dengan pesat, dan penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar yang menyebabkan peratusan penduduk bandar meningkat. Kesimpulannya, pembangunan ekonomi merujuk kepada pertumbuhan

¹¹ Nor Aini Idris dan Ishak Yussof (2009), "Ekonomi Malaysia dalam Konteks Pembangunan Seimbang", dalam Nor Aini Idris dan Ishak Yussof (eds.), *Ekonomi Malaysia Ke Arah Pembangunan Seimbang*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), h.23-38

ekonomi dan keadilan sosial yang berlaku dalam sesebuah negara¹². Pertumbuhan ekonomi yang diiringi dengan pencapaian kesetaraan agihan pendapatan di kalangan penduduk merupakan kejayaan pembangunan yang membanggakan bagi sesebuah negara¹³.

Ahli ekonomi Islam turut menyokong konsep pembangunan ekonomi yang merangkumi pelbagai aspek seperti sosial, politik, ekonomi dan sebagainya. Namun, ahli ekonomi Islam telah memperluaskan lagi skop pembangunan kepada keseimbangan pembangunan duniawi dan ukhrawi selain menekankan nilai-nilai Islam sebagai sandaran dalam pembangunan.

AbulHasan Muhammad Sadeq mendefinisikan pembangunan ekonomi sebagai peningkatan yang seimbang dan berterusan dalam aspek kebendaan (material) dan aspek bukan kebendaan (non material). Pembangunan merupakan proses pelbagai dimensi melibatkan peningkatan kebajikan dan penstrukturan semula melalui peningkatan spiritual berdasarkan nilai-nilai Islam¹⁴. Walau bagaimanapun, fokus utama dalam aspek pembangunan adalah manusia itu sendiri. Sebarang proses pembangunan perlu dimulai menerusi peningkatan moral, spiritual, fizikal dan persekitaran manusia itu sendiri. Ini kerana manusia merupakan agen perubahan untuk dirinya sendiri dan persekitaran sosioekonomi. Aidit Ghazali menyimpulkan konsep pembangunan dalam Islam seperti yang diterangkan dalam Rajah 3.2¹⁵.


¹² Rahmah Ismail (2003), "Isu dan Pengalaman Pembangunan Sepintas Lalu dalam Dimensi Ekonomi" dalam Rahmah Ismail dan Mohd. Shukri Hajinoor (eds.), *Dimensi Ekonomi Pembangunan Teori & Realiti*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), h.13-27

¹³ Poo Bee Tin dan Rahmah Ismail (2009) "Agihan Pendapatan dan Kemiskinan" dalam Nor Aini Idris dan Ishak Yussof (eds.), *Ekonomi Malaysia Ke Arah Pembangunan Seimbang*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), h.115-134

¹⁴ AbulHasan Muhammad Sadeq (1990), *Economic Development in Islam*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., h.2

¹⁵ Aidit Ghazali (1990), *Development An Islamic Perspectives*, Kelana Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd, h.24

Rajah 3.2
Konsep Pembangunan Islam



Sumber: Aidit Ghazali (1990), *Development An Islamic Perspectives*, Kelana Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd, h.24

Menurut Nik Mustafa, konsep pembangunan ekonomi Islam hanyalah sebahagian daripada aspek pembangunan yang mana matlamat utama yang ingin dicapai adalah memuliakan martabat manusia dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Jelas, pembangunan ekonomi Islam bukan saja dilihat daripada aspek pembangunan kebendaan malah menitikberatkan juga aspek pembangunan kerohanian dan juga kehidupan di dunia dan akhirat¹⁶.

3.2.2 Matlamat Pembangunan Ekonomi

Menyedari pembangunan ekonomi yang menyeluruh tidak hanya diukur pada pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KNK), Todaro dan Smith telah menggariskan beberapa matlamat pembangunan bagi mencapai pembangunan ekonomi yang


¹⁶ Nik Mustapha Nik Hassan (1999), "Sumbangan Institusi Wakaf kepada Pembangunan Ekonomi", dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil. 1, h.1-16

seimbang. Matlamat pembangunan ini, yang mana diakhirnya apa yang hendak dicapai, adalah:

- (a) Meningkatkan kemampuan dan meluaskan agihan dalam memenuhi keperluan asas kehidupan seperti makanan, tempat tinggal, kesihatan dan perlindungan
- (b) Meningkatkan taraf hidup termasuklah meningkatkan pendapatan, menyediakan keperluan pekerjaan, pendidikan yang lebih baik, dan menitikberatkan mengenai kebudayaan dan nilai-nilai kemanusiaan
- (c) Mengembangkan ekonomi dan kebebasan memilih dalam masyarakat¹⁷.

Manakala, daripada perspektif ekonomi Islam, pembangunan diukur daripada aspek pembangunan kebendaan dan juga aspek pembangunan kerohanian, yang mana matlamat utama adalah memuliakan martabat manusia dalam kehidupan di dunia dan akhirat¹⁸. Oleh itu, sarjana ekonomi Islam juga telah menetapkan beberapa matlamat yang perlu dicapai bagi merealisasikan pembangunan ekonomi menurut Islam. Matlamat pembangunan ekonomi Islam ini adalah seperti yang terkandung dalam Rajah 3.3.

Rajah 3.3
Matlamat Pembangunan Ekonomi Islam



Sumber: Diubahsuai daripada Joni Tamkin Bin Borhan (2008), "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam", *Jurnal Usuluddin*, Bil 27; h.93-107 dan Ahmad Sarji Abdul Hamid (2008), "Indeks Pembangunan Ummah di Malaysia", h.35-61

¹⁷ *Ibid.*, h.22

¹⁸ Nik Mustapha Nik Hassan (1999), *op.cit.*, h.1-16

Matlamat pembangunan ekonomi menurut Islam, melibatkan pembangunan sumber manusia, mengoptimumkan penggunaan sumber, peningkatan kualiti hidup dan perkembangan penyelidikan dan teknologi.

(a) Matlamat Pertama: Pembangunan sumber manusia

Pembangunan sumber manusia merupakan tunggak utama pembangunan dalam Islam. Ini kerana Islam melihat manusia sendiri sebagai tempat sebenar kegiatan pembangunan¹⁹ dan yang paling penting, manusia adalah agen pengubah dalam kehidupannya sendiri sepertimana firman Allah s.w.t dalam Surah al-Ra'd ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا

مَرَدَّ لَهُ^ج وَمَا لَهُمْ مِّنْ دُونِهِ ۗ مِنَ الْوَالِئِ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadanya"²⁰.

Ayat di atas menerangkan kepada kita bahawa perubahan atau pembangunan yang berlaku bergantung kepada inisiatif manusia itu sendiri. Maka, jika modal manusia tidak dibangunkan dengan baik dan sempurna, ia akan menjadi penghalang kepada kemajuan dan pembangunan yang ingin kita capai. Dalam Islam, pembangunan sumber manusia bukan saja melihat kepada aspek pembangunan fizikal melalui peningkatan kemahiran

¹⁹ Surtahman Kastin Hassan dan Sanep Ahmad (2005), *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, C. ke-2, h.323

²⁰ Abdullah Basmeih (1995), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30 Juz)*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, C. ke-6., Surah Surah Al-Ra'd, Juz 13, ayat 11, h.579-580

diri, kecekapan bekerja, pendidikan dan latihan, dan kesihatan bahkan pembangunan kerohanian dan moral turut dititik beratkan. Sebaliknya, pembangunan yang merosakkan dan bertentangan dengan syariat Islam akan menghadapi ancaman dan kehancuran seperti yang tertera dalam ayat tersebut²¹.

Kekuatan dan ketahanan fizikal hanya akan dicapai menerusi dorongan dan pengemblengan sumber kekuatan dalaman (kerohanian) terlebih dahulu. Semangat bekerja untuk mendapat keredhaan Allah akan melahirkan pekerja yang bertanggungjawab, ikhlas, jujur dan cekap dalam bekerja. Jika aspek kerohanian diabaikan, maka pelbagai gejala moral seperti sikap rasuah, pecah amanah, pentingkan diri sendiri, dan gejala sosial seperti penagihan dadah, hanya akan melemahkan sumber manusia itu sendiri dan menyebabkan ketidakcekapan dalam pengurusan kerja dan memberi kesan kepada pembangunan sesebuah negara. Justeru, tidak ada jalan lain bagi mencapai matlamat ini, melainkan dengan penyediaan prasarana yang sempurna dan yang bersesuaian diikuti dengan penyuburan ilmu di kalangan masyarakat²².

(b) Matlamat Kedua: Pengoptimuman penggunaan sumber bagi pengeluaran yang berguna dan memenuhi keperluan individu dan keluarga

Matlamat pengeluaran dalam Islam bukanlah hanya bersandarkan kepada keuntungan semata sepertimana dalam ekonomi konvensional, tetapi mempunyai tujuan yang lebih luas, antaranya bagi memenuhi keperluan individu dan keluarga, memperuntukkan keperluan masa depan dan generasi akan datang dan sebagai khidmat sosial bagi membantu dan memenuhi keperluan orang lain. Oleh yang demikian, mengoptimumkan

²¹ Ahmad Sarji Abdul Hamid (2008), "Indeks Pembangunan Ummah di Malaysia", (Kertas kerja dalam Expert Consultation on "A Fresh Dimension To Development: An Islamic Approach" di Dewan Besar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur), 21 Oktober 2008, dipetik daripada buku "Sekadar Bependapat-Koleksi Ucapan YABhg. Tun Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid", terbitan IKIM 2005, h.35-61; Surtahman Kastin Hassan dan Sanep Ahmad (2005), *op.cit.*, h.323

²² Nik Mustapha Nik Hassan dan Syed Omar Syed Agil *ed.* (1994), *Pembangunan Ummah Ke Arah Wawasan 2020*, Wan Mokhtar Ahmad, "Terengganu Ke Arah Masa Hadapan Yang Gemilang", (Koleksi Kertas kerja Seminar Islam dan Pembangunan anjuran IKIM dan Kerajaan Negeri Terengganu), 9-10 April 1994, h.4

pengeluaran yang berguna dapat membantu ke arah pembangunan ekonomi yang hendak dicapai²³.

(c) Matlamat Ketiga: Peningkatan kualiti hidup menerusi peluang pekerjaan yang diwujudkan, jaminan sosial yang berkesan, dan kesaksamaan agihan dan pendapatan.

Pembangunan yang berkesan bukan saja dilihat dari sudut kuantitinya malah kualitinya turut diperhalusi. Justeru, kualiti hidup rakyat dalam negara perlu diperbaiki dan dipertingkatkan bagi menikmati cara hidup yang lebih baik dan sihat. Bagi mencapai tujuan itu, sebagai negara Islam perlulah memastikan setiap individu berhak untuk mendapatkan keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan jaminan keselamatan diri dan harta. Kegagalan dalam memenuhi hak tersebut akan mengakibatkan terjadinya aktiviti-aktiviti tidak bermoral dalam masyarakat. Selain bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat, langkah mengurangkan jurang perbezaan kekayaan antara golongan yang berada dengan golongan yang kurang berkemampuan perlu dilaksanakan²⁴.

(d) Matlamat Keempat: Perkembangan penyelidikan dan tekonologi baru

Perkembangan ilmu sains dan teknologi baru hasil daripada penyelidikan banyak membantu sesebuah negara untuk terus maju dan membangun. Kejayaan dalam menghasilkan pelbagai produk yang berteknologi tinggi dalam pelbagai bidang akan mempertingkatkan kebolehan, tahap kecekapan dan produktiviti manusia menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian di samping mengurangkan pergantungan pada

²³ Shofian Ahmad (2001), "Masalah Asas Ekonomi dan Penyelesaiannya Menurut Islam, *Jurnal Syariah*, Vol. 9, Bil. 1, Januari 2001, h.77-90

²⁴ Pramanik, Atahul Haq (1997), *op.cit.*, h.59

negara asing. Negara maju barat yang memulakan proses pertumbuhan pada peringkat awal telah berada dalam keadaan lebih maju dari segi sains dan teknologi berbanding negara membangun hari ini²⁵.

Secara keseluruhannya, bagi mencapai matlamat-matlamat pembangunan ekonomi yang seimbang dan menyeluruh seperti yang digariskan oleh ahli ekonomi, aspek kesejahteraan manusia perlu diberi perhatian. Pelaburan ke arah penyediaan modal insan untuk pembangunan ekonomi selain menerusi pendidikan, kesihatan dan penghapusan kemiskinan, aspek pembangunan kerohanian juga perlu dipertingkatkan²⁶. Justeru usaha-usaha melengkapkan keperluan-keperluan ini dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang lestari.

3.2.3 Indikator Pembangunan

Pelbagai indikator dirangka bagi mengukur pembangunan ekonomi sesebuah negara dengan berkesan. Antaranya adalah indeks yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Bank Dunia, Unit Perancang Ekonomi Malaysia dan indeks pembangunan daripada perspektif Islam.

(a) Indeks Pembangunan PBB

Menyedari akan kepentingan pembangunan sumber manusia dalam pembangunan ekonomi, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mendefinisikan pembangunan manusia sebagai memperluaskan pilihan individu. Perkara terpenting


²⁵ Joni Tamkin Bin Borhan (2008), *op.cit.*, h.93-107; lihat juga Pramanik, Atahul Haq (1997), *op.cit.*, h.9; M. Anuar Adnan (2003), "Pembangunan Negara Maju: Kajian Kes Jepun dan Pengajaran Kepada Negara Membangun", dalam Rahmah Ismail dan Mohd Shukri Hajinoor (ed.) (2003), *Dimensi Ekonomi Pembangunan Teori dan Realiti*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), h.323-356

²⁶ Asmak Ab Rahman (2009), *op.cit.*, h.113-152

bagi mempelbagaikan pilihan ialah usaha-usaha ke arah memperkasa keupayaan, supaya manusia dapat hidup lebih lama dan sejahtera. Dengan demikian, manusia perlu di beri peluang untuk menimba ilmu serta berupaya memiliki sumber-sumber yang diperlukan bagi mendapatkan kehidupan yang lebih selesa dan boleh mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan²⁷.

Sehubungan dengan itu, pada September 2000, 189 buah negara yang menganggotai PBB telah mengemukakan Millennium Development Goals (MDGs) bagi bersama-sama membuat perubahan yang besar ke arah membasmi kemiskinan dan mencapai sasaran pembangunan manusia menjelang tahun 2015. Sasaran-sasaran yang ditetapkan dalam MDGs ini diterangkan dalam Rajah 3.4²⁸.

Rajah 3.4
Millennium Development Goals (MDGs)



Sumber: Program Pembangunan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, <http://www.un.org/millenniumgoals/>, 24 Januari 2011


Setiap tahun semenjak tahun 1990, Laporan Pembangunan Manusia yang dikeluarkan oleh PBB mengemukakan Indeks Pembangunan Manusia. Indeks ini di perkenalkan

²⁷ Ahmad Sarji Abdul Hamid (2008), *op.cit.*, h.35-61

²⁸ Michael P. Todaro dan Stephen C. Smith (2006), *op.cit.*, h.23-24

sebagai alternatif bagi ukuran pembangunan negara yang sedia ada, seperti ukuran pendapatan per kapita²⁹.

Indeks Pembangunan Manusia dibentuk bagi mengukur pembangunan manusia yang disasarkan. Melalui indeks ini, tiga pemboleh ubah yang digunakan ialah kehidupan yang panjang (jangka hayat), berpengetahuan (celik huruf) dan satu tingkat pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi satu keperluan di atas tahap kemiskinan. Berdasarkan kepada pemboleh ubah ini dengan menggunakan formula tertentu, negara-negara dikumpulkan dalam tiga kumpulan seperti terkandung dalam Rajah 3.5³⁰.



Sumber: Diubahsuai daripada Ab. Razak Dan (2004), "Kajian Ekonomi Pembangunan" dalam Nor Aini Haji Idris dan Ab. Razak Dan (eds.), *Teori Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), C. ke-2, h.23

Menurut Laporan Pembangunan Manusia PBB seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1, sepanjang tempoh dari tahun 1980 sehingga 2010, Indeks Pembangunan Manusia bagi negara Malaysia meningkat 1.1 peratus setiap tahun daripada 0.541 kepada 0.744 tahun ini. Dengan itu, Malaysia menduduki tempat ke-57 daripada 169 buah negara dan mendahului negara bahagian Asia Timur dan Pasifik yang mana Indeks Pembangunan Manusia negara tersebut, hanya meningkat daripada 0.391 pada tahun 1980 kepada 0.650 pada tahun ini³¹.

²⁹ Glossary Human Development Reports, <http://hdr.undp.org/en/humandev/glossary/#s>, 22 November 2010

³⁰ *Ibid.*

³¹ Human Development Reports Statistic 2010, <http://hdrstats.undp.org/en/countries/profiles/MYS.html>, 22 November 2010

Jadual 3.1
Indeks Pembangunan Manusia (Malaysia) Tahun 2010

Kesihatan	Jangkaan Hayat Semasa Lahir (Tahun)	74.7
Pendidikan	Purata Tahun Bersekolah (Dewasa) (Tahun)	9.5
Pendapatan	GNI per kapita (malar 2008 US\$PPP)	13,926.9
Ketaksamaan	Nilai HDI Ketaksamaan Terlaras	..
Kemiskinan	Keamatan halangan	..
Jantina	Nilai, Indeks Ketaksamaan jantina	0.493
Kelestarian	Jumlah Simpanan Terlaras (% of GNI)	19.2
Keselamatan Manusia	Pelarian Mengikut Negara Asal (ribu)	0.6
Indeks Pembangunan Manusia	Nilai Indeks Pembangunan Manusia (HDI)	0.744

Sumber: Dipetik daripada Human Development Reports Statistic 2010, <http://hdrstats.undp.org/en/countries/profiles/MYS.html>, 22 November 2010

(b) Indeks Pembangunan Ekonomi Bank Dunia

Laporan Pembangunan Dunia yang diterbitkan oleh Bank Dunia mempunyai lebih daripada 800 petunjuk. Antara petunjuk yang ditekankan adalah Pendapatan Per Kapita (PPK) bagi mengukur pembangunan ekonomi sesebuah negara. PPK diperolehi dengan pembahagian jumlah pendapatan negara dengan jumlah penduduk negara tersebut, iaitu:³²

$$\text{Pendapatan Per Kapita (PPK)} = \frac{\text{Jumlah Pendapatan Negara}}{\text{Jumlah Penduduk}}$$

Berdasarkan kepada PPK, negara-negara di dunia dibahagikan kepada tiga kumpulan yang utama, iaitu negara berpendapatan rendah (negara miskin), negara berpendapatan sederhana (negara membangun) dan negara berpendapatan tinggi (negara maju). Walaupun, ahli ekonomi menyedari kelemahan menggunakan PPK bagi menggambarkan pembangunan ekonomi yang berlaku dalam sesebuah negara namun, petunjuk ini masih digunakan secara meluas untuk melihat pertumbuhan ekonomi. Antara kelemahan PPK adalah kerana PPK hanya menggambarkan pendapatan purata penduduk sesebuah negara tanpa menjelaskan bagaimana pendapatan tersebut diagihkan. PPK juga tidak mengambil kira kesan luaran positif yang diperolehi daripada

³² Ab. Razak Dan (2004), *op.cit.*, h.25-27

faedah pendidikan dan kesihatan yang lebih baik akibat pertumbuhan ekonomi. Malah, PPK juga tidak mengambil kira kesan luaran negatif daripada pencemaran yang dihasilkan oleh pertumbuhan ekonomi dan tidak dapat menggambarkan nilai-nilai aktiviti yang berlaku di luar pasaran seperti kesejahteraan sosial, keselamatan keluarga dan sebagainya³³. Sehubungan dengan itu bagi mengukur pembangunan sesebuah negara, selain daripada PPK, penunjuk lain turut digunakan bagi mengukur faktor-faktor bukan ekonomi seperti kesihatan dan pendidikan memandangkan kesannya dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara³⁴.

Selain PPK, Bank Dunia juga menggunakan *Purchasing Power Parity* (PPP), bagi mendapat gambaran mengenai taraf hidup penduduk di sesebuah negara menerusi kuasa membeli. Bank Dunia juga turut memperluaskan perspektif pembangunan dengan memberi perhatian kepada peningkatan kualiti hidup penduduk menerusi pendidikan lebih baik, tahap kesihatan dan nutrisi yang tinggi, mengurangkan kemiskinan, persekitaran yang lebih bersih, peluang yang lebih sama rata, kebebasan individu, dan kaya dengan kebudayaan³⁵.

(c) Indeks Komposit Pembangunan Malaysia (IKP)

Indeks Komposit Pembangunan (IKP) Malaysia merupakan skor purata Indeks Pembangunan Ekonomi (IPE) dan Indeks Pembangunan Sosial (IPS) yang diwujudkan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) Malaysia bagi mengukur kemajuan ekonomi dan sosial di Malaysia. IPE ialah peratusan skor terpiawai, kadar pengangguran, kadar perbandaran, pendapatan bulanan purata, bilangan kereta dan motosikal berdaftar bagi


³³ Nor Aini Idris dan Ishak Yussof (2009), "Ekonomi Malaysia dalam Konteks Pembangunan Seimbang", dalam Nor Aini Idris dan Ishak Yussof (eds.), *Ekonomi Malaysia Ke Arah Pembangunan Seimbang*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), h.23-38; Theodore Morgan (1975), *Economic Development Concept and Strategy*, New York: Harper & Row Publishers, h.59-61

³⁴ *Ibid.*

³⁵ Michael P. Todaro dan Stephen C. Smith (2006), *op.cit.*, h.17; Ahmad Sarji Abdul Hamid (2008), *op.cit.*, h.35-61

setiap 1,000 penduduk dan bilangan telefon bagi setiap 1,000 penduduk. Manakala IPS adalah peratusan skor terpiawai petunjuk kadar kemiskinan, peratus penduduk yang mendapat liputan bekalan air paip, elektrik, bilangan doktor bagi setiap 1,000 penduduk dan kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup. Daripada IKP, negeri-negeri di Malaysia dibahagikan seperti dalam Rajah 3.6³⁶.

Rajah 3.6
Pembahagian Negeri-negeri di Malaysia



Sumber: Dipetik daripada Ahmad Sarji Abdul Hamid (2008), "Indeks Pembangunan Ummah di Malaysia", (Kertas kerja dalam Expert Consultation on "A Fresh Dimension To Development: An Islamic Approach" di Dewan Besar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur), 21 Oktober 2008, dalam "Sekadar Berpendapat-Koleksi Ucapan YABhg. Tun Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid", terbitan IKIM 2005, h.35-61

UPE juga menerbitkan Laporan Kualiti Hidup Malaysia untuk mengukur sejauh mana kemajuan negara dalam meningkatkan kualiti hidup penduduknya. Laporan tersebut menekankan kepada pembangunan yang menyeluruh dan seimbang, merangkumi semua aspek kehidupan dan tidak hanya tertumpu kepada pembangunan ekonomi semata-mata³⁷. Pada tahun 2004, laporan ini telah diperincikan bagi peringkat negeri dan dianalisa kepada empat aspek kualiti hidup iaitu pendapatan dan pengagihan, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan serta pendidikan³⁸.


³⁶Ahmad Sarji Abdul Hamid (2008), *op.cit.*, h.35-61

³⁷ Samsudin Hitam (1999), *Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999*, Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/images/common/pdf/MQLI99_2.Preface.pdf, 30 November 2010

³⁸Raja Dato' Zaharaton Raja Zainal Abidin (2004), *Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999*, Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/images/_common/pdf/LaporanMQLI%202004.pdf, 30 November 2010

(d) Indikator Pembangunan Ekonomi Islam

AbulHasan Muhammad Sadeq menjelaskan bahawa tiga perkara yang perlu ada bagi mengukur pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam, iaitu pertumbuhan ekonomi, kesaksamaan agihan dan nilai-nilai Islam seperti yang diterangkan dalam Rajah 3.7.



Sumber: Dipetik daripada AbulHasan Muhammad Sadeq (1990), *Economic Development in Islam*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., h.4-5

Pembangunan Ekonomi (D) merupakan fungsi positif bagi (G), (E) dan (V). Pembangunan ekonomi berhubung kait dengan penerapan nilai-nilai Islam melalui dua cara. Pertama, pembangunan ekonomi yang ditakrifkan sebagai peningkatan yang berterusan dalam aspek kebendaan dan bukan kebendaan, oleh itu, sikap baik manusia tidak sempurna tanpa nilai-nilai moral tinggi yang dididik oleh ajaran Islam. Keduanya, penerapan nilai-nilai Islam diperoleh menerusi didikan agama, penerangan agama dan sebagainya. Oleh itu, hubungan penerapan nilai-nilai Islam ini dijangkakan adalah positif dengan tahap pendapatan dan kekuatan iman individu³⁹.

Oleh sebab pembangunan manusia adalah penting sebagai agen penggerak kepada pembangunan ekonomi, maka usaha-usaha ke arah pembangunan manusia secara menyeluruh perlu dititikberatkan. Di samping itu, usaha meningkatkan taraf hidup

³⁹ AbulHasan Muhammad Sadeq (1990), *op.cit.*, h.4-5

masyarakat dengan memenuhi keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan, pendidikan, kesihatan dan perlindungan juga mempunyai hubungan yang positif dengan pembangunan ekonomi. Justeru, institusi wakaf termasuklah wakaf tunai dilihat mampu memainkan peranan yang besar dalam menyelesaikan masalah ini. Sejarah telah membuktikan sumbangan wakaf tunai dalam aktiviti pembangunan kerohanian, pendidikan, kesihatan dan kebajikan sosial masyarakat Islam sehingga kini. Bahkan wakaf tunai juga dapat dimanfaatkan sebagai medium pengagihan semula kekayaan dan pendapatan dalam masyarakat. Sumbangan wakaf tunai ini telah berjaya membantu membangunkan masyarakat Islam⁴⁰.

3.3 Kedudukan Masyarakat Islam di Pulau Pinang

Dari segi demografi, Pulau Pinang merupakan salah sebuah negeri di Malaysia dan terletak berhampiran dengan persisiran barat laut Semenanjung Malaysia. Pulau Pinang terdiri daripada bahagian pulau dan tanah besar yang dikenali sebagai Seberang Perai yang dihubungkan oleh Jambatan Pulau Pinang sepanjang 13.5 km dan perkhidmatan feri. Keluasan keseluruhan Pulau Pinang adalah 1,048 km persegi, iaitu 285 km persegi kawasan pulau dan selebihnya merupakan kawasan Seberang Perai⁴¹.

Jumlah populasi penduduknya adalah hampir 1,577,300 orang, menjadikan Pulau Pinang antara negeri di Malaysia yang mempunyai kadar kepadatan penduduk tertinggi, iaitu sebanyak 1,505 orang setiap kilometer persegi. Kepadatan penduduk Pulau Pinang dijangkakan terus bertambah dengan purata kadar 2 peratus setahun⁴².

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, <http://www.penang.gov.my/index.php?ch=10&pg=52>, 10 Oktober 2010

⁴² *Ibid.*

Jadual 3.2 menunjukkan jumlah kadar kepadatan penduduk bandar di Pulau Pinang berbanding dengan Malaysia. Kepadatan penduduk di bandar Pulau Pinang adalah lebih tinggi berbanding kadar kepadatan penduduk bandar peringkat nasional dari tahun 2005 sehingga 2010⁴³.

Jadual 3.2
Perkadaran Kepadatan Penduduk Bandar Pulau Pinang dengan Malaysia
bagi Tahun 2005 hingga 2010

Tahun	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Malaysia	62.7	62.9	63.0	63.2	63.3	63.4
Pulau Pinang	80.6	80.7	80.8	80.8	80.9	80.9

Sumber: Dipetik daripada Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, <http://www.penang.gov.my/index.php/info-penang/statistik-sosioekonomi?start=10>, 16 September 2011

Jumlah taburan penduduk di Pulau Pinang dari tahun 2005 sehingga 2009 pula ditunjukkan dalam Jadual 3.3. Penduduk Pulau Pinang terdiri daripada etnik Bumiputera, Cina, India dan lain-lain. Majoriti penduduknya adalah daripada etnik Bumiputera 42 peratus dan Cina 41 peratus dengan diikuti India 10 peratus dan lain-lain 7 peratus pada tahun 2009⁴⁴. Etnik Bumiputera lazimnya adalah beragama Islam dan terdapat sebilangan kecil etnik Cina dan India yang beragama Islam. Oleh itu, masyarakat Islam di Pulau Pinang melebihi 42 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Pulau Pinang.

Jadual 3.3
Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik ('000) di Pulau Pinang
dari Tahun 2005 sehingga Tahun 2009

Tahun	Bumiputra	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah
2005	605.5	631.8	147.2	84.3	1468.8
2006	617.9	635.3	148	91.2	1,492.40
2007	613.2	639.8	149.3	98.2	1,518.50
2008	645.5	645.3	151	105	1,546.80
2009	660.8	651.6	153.1	111.8	1,577.30

Sumber: Dipetik daripada Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, <http://www.penang.gov.my/index.php?ch=10&pg=52>, 10 Oktober 2010

⁴³ Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, <http://www.penang.gov.my/index.php/info-penang/statistik-sosioekonomi?start=10>, 16 September 2011

⁴⁴ *Ibid.*

3.3.1 Latar belakang Ekonomi Pulau Pinang

Pulau Pinang mempunyai kedudukan ekonomi yang tumbuh dengan stabil dari tahun 2005 sehingga 2008. Ini berdasarkan kepada jumlah Keluaran (pendapatan) Dalam Negeri Kasar (KDNK) Per Kapita Pulau Pinang yang dicatatkan terus meningkat, iaitu RM 26,457 juta bagi tahun 2005, RM 30,490 juta pada tahun 2006, RM32,376 juta pada tahun 2007 dan RM 32,724 juta pada tahun 2008⁴⁵.

Namun pada tahun 2009, KDNK Per Kapita Pulau Pinang telah menyusut kepada RM 29,569 juta. Hal ini disebabkan oleh krisis kewangan global yang mengakibatkan penguncupan ekonomi global secara mendadak. Krisis ini turut memberi kesan kepada negeri Pulau Pinang kerana kejatuhan mendadak sektor pembuatan yang merupakan tunggak utama ekonomi di negeri ini⁴⁶.

Jadual 3.4 menunjukkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Per Kapita mengikut negeri-negeri di Malaysia pada harga semasa dari tahun 2005 sehingga 2009. Pulau Pinang merupakan negeri kedua yang mencatatkan jumlah KDNK per kapita tertinggi mengikut negeri selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 2005 sehingga 2007.⁴⁷ Manakala pada tahun 2008 dan 2009, Pulau Pinang menjadi negeri ketiga tertinggi selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sarawak. Bahkan, jumlah

⁴⁵ Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2008, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=450:gross-domestic-product-gdp-by-state-2008-updated-17052010&catid=40:gross-domesticproduct-by-state&Itemid=61&lang=bm, 10 Oktober 2010; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2007, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=181:gross-domestic-product-gdp-by-state-2007-updated-17022010&catid=40:gross-domestic-product-by-state&Itemid=61&lang=bm, 10 Oktober 2010; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2005-2006, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=180:gross-domestic-product-gdp-by-state-2005-2006-date-09112009&catid=40:gross-domestic-product-by-state&Itemid=61&lang=bm, 10 Oktober 2010

⁴⁶ Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2009, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=627&Itemid=61&lang=bm, 27 Disember 2010

⁴⁷ Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2005-2006, Jabatan Perangkaan Malaysia, *op.cit.*, 10 Oktober 2010; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2007, Jabatan Perangkaan Malaysia, *op.cit.*, 10 Oktober 2010

KDNK per kapita negeri Pulau Pinang turut direkodkan lebih tinggi berbanding tahap nasional pada setiap tahun⁴⁸.

Jadual 3.4
KDNK Per Kapita Mengikut Negeri di Malaysia
dari Tahun 2005 sehingga Tahun 2009

Negeri	KDNK Per Kapita pada harga semasa				
	RM Juta				
	2005	2006	2007	2008	2009
Johor	15,520	16,074	17,802	19,739	18,458
Kedah	9,600	10,386	11,657	13,301	12,630
Kelantan	5,635	6,012	6,821	7,677	7,585
Melaka	19,108	20,597	22,288	24,273	22,761
Negeri Sembilan	20,820	22,849	24,233	26,722	23,600
Pahang	16,157	17,489	19,111	21,679	19,974
Pulau Pinang	26,457	30,490	32,376	32,724	29,569
Perak	11,859	12,769	14,703	15,544	14,769
Perlis	12,297	14,232	14,458	14,887	14,457
Selangor	21,938	22,928	24,584	28,323	27,609
Terengganu	13,773	14,558	15,883	19,167	16,994
Sabah	10,687	10,921	12,583	17,116	14,830
Sarawak	24,224	26,912	29,175	35,041	30,318
WPKL	40,289	44,341	49,336	48,556	51,197
WP Labuan	25,387	26,184	27,981	25,320	27,084
MALAYSIA	19,996	21,563	23,544	26,821	24,366

Sumber: Diubahsuai daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2006 hingga 2009, Jabatan Perangkaan Malaysia, *op.cit.*⁴⁹

Pembangunan ekonomi di Pulau Pinang juga dilihat berdasarkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi setiap tahun. KDNK Pulau Pinang tumbuh pada paras 9.9 peratus pada tahun 2006, 6.6 peratus pada tahun 2007, 4.8 peratus pada

⁴⁸ Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2008, Jabatan Perangkaan Malaysia, *op.cit.*, 10 Oktober 2010; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2009, Jabatan Perangkaan Malaysia, *op.cit.*, 27 Disember 2010; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2009, Jabatan Perangkaan Malaysia, *op.cit.*, 27 Disember 2010

⁴⁹ Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2008, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=450:gross-domestic-product-gdp-by-state-2008-updated-17052010&catid=40:gross-domestic-product-by-state&Itemid=61&lang=bm, 10 Oktober 2010; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2007, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=181:gross-domestic-product-gdp-by-state-2007-updated-17022010&catid=40:gross-domestic-product-by-state&Itemid=61&lang=bm, 10 Oktober 2010; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2005-2006, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=180:gross-domestic-product-gdp-by-state-2005-2006-date-09112009&catid=40:gross-domestic-product-by-state&Itemid=61&lang=bm, 10 Oktober 2010; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2009, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=627&Itemid=61&lang=bm, 27 Disember 2010

tahun 2008 dan menyusut mendadak -10.8 peratus pada tahun 2009⁵⁰. Bagi tahun 2006, Pulau Pinang merupakan negeri yang merekodkan pertumbuhan KDNK tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

Pertumbuhan ekonomi negeri Pulau Pinang ini diterajui oleh sektor Pembuatan. Sektor ini telah menyumbang 56.5 peratus kepada KDNK Pulau Pinang pada tahun 2006 namun, mengalami kejatuhan yang mendadak sehingga -20.2 peratus pada tahun 2009. Subsektor yang menyumbang kepada penyusutan ini, antaranya adalah pembuatan kelengkapan pejabat, perakaunan & komputer dan pembuatan peralatan dan kelengkapan radio, televisyen & komunikasi. Senario ini sejajar dengan pertumbuhan negatif kedua-dua subsektor tersebut di peringkat Malaysia pada tahun 2009 dengan masing-masing mencatatkan penurunan yang besar sebanyak -29.1 peratus dan -15.2 peratus⁵¹.

Penyusutan sektor ini juga telah menyebabkan kadar pertumbuhan KDNK Pulau Pinang menurun dan tidak dapat mengekalkan pertumbuhan melebihi paras KDNK nasional yang sering dicapai pada tahun-tahun sebelumnya. Ini berdasarkan Rajah 3.8 menunjukkan kadar pertumbuhan KDNK mengikut negeri dari tahun 2006 sehingga 2009 pada harga malar tahun 2000⁵². KDNK Per Kapita Pulau Pinang juga telah menyumbang 8.7 peratus bagi tahun 2006 dan 8.8 peratus bagi tahun 2007 dan 2008, dan 8.1 peratus bagi tahun 2009 kepada KDNK nasional⁵³.


⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ *Ibid.*

⁵² *Ibid.*

⁵³ *Ibid.*

Rajah 3.8
Kadar Pertumbuhan KDNK Mengikut Negeri di Malaysia
dari Tahun 2006 sehingga Tahun 2009




Sumber: Diubahsuai daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2006 hingga 2009, Jabatan Perangkaan Malaysia, *op.cit.*⁵⁴

Walaupun, mengalami kadar penyusutan yang mendadak dalam pertumbuhan ekonomi pada tahun 2009, Pulau Pinang masih merupakan antara negeri yang kekal menyumbang peratusan tertinggi kepada KDNK nasional selain Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor dan Sarawak. Ini dibuktikan dalam Rajah 3.9 yang menunjukkan sumbangan KDNK per kapita mengikut negeri kepada KDNK Malaysia bagi tahun 2006 sehingga 2009.

⁵⁴Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2008, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=450:gross-domestic-product-gdp-by-state-2008-updated-17052010&catid=40:gross-domestic-product-by-state&Itemid=61&lang=bm, 10 Oktober 2010; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2007, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=181:gross-domestic-product-gdp-by-state-2007-updated-17022010&catid=40:gross-domestic-product-by-state&Itemid=61&lang=bm, 10 Oktober 2010; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2005-2006, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=180:gross-domestic-product-gdp-by-state-2005-2006-date-09112009&catid=40:gross-domestic-product-by-state&Itemid=61&lang=bm, 10 Oktober 2010; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2009, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=627&Itemid=61&lang=bm, 27 Disember 2010

Rajah 3.9

Peratus Sumbangan KDNK Per Kapita Mengikut Negeri kepada KDNK Malaysia bagi Tahun 2006 sehingga 2008 pada Harga Malar Tahun 2000



Sumber: Diubahsuai daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2006 hingga 2009, Jabatan Perangkaan Malaysia, *op.cit.*⁵⁵

Secara keseluruhannya, walaupun Pulau Pinang mengalami penguncupan pertumbuhan yang mendadak pada tahun 2009, namun ekonomi Pulau Pinang telah semakin pulih bagi tahun 2010⁵⁶. Namun begitu bagi mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang, faktor-faktor sosial lain seperti mengurangkan ketidakseimbangan dan pembasmian kemiskinan juga perlu diambilkira⁵⁷.

⁵⁵Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2008, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=450:gross-domestic-product-gdp-by-state-2008-updated-17052010&catid=40:gross-domestic-product-by-state&Itemid=61&lang=bm, 10 Oktober 2010; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2007, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=181:gross-domestic-product-gdp-by-state-2007-updated-17022010&catid=40:gross-domestic-product-by-state&Itemid=61&lang=bm, 10 Oktober 2010; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2005-2006, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=180:gross-domestic-product-gdp-by-state-2005-2006-date-09112009&catid=40:gross-domestic-product-by-state&Itemid=61&lang=bm, 10 Oktober 2010 ; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri 2009, Jabatan Perangkaan Malaysia, http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=627&Itemid=61&lang=bm, 27 Disember 2010

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ Michael P. Todaro dan Stephen C. Smith (2006), *op.cit.*, h.17; Nor Aini Idris dan Ab. Razak Dan (2004), *op.cit.*, h.22

3.3.2 Latar belakang sosial Pulau Pinang

Tingkat kesejahteraan dan kebajikan yang diterima penduduk dapat mempengaruhi proses pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesebuah negeri dalam jangka masa yang panjang. Aspek pendidikan, kesihatan dan pengurangan kadar kemiskinan penting dalam meningkatkan kualiti hidup penduduk yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi secara menyeluruh⁵⁸. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan pelbagai kemudahan pendidikan, kesihatan, dan keperluan sosial bagi memenuhi keperluan penduduknya. Menerusi aspek pendidikan, kemudahan pendidikan seperti sekolah, universiti dan perpustakaan ada disediakan di Pulau Pinang. Kemudahan pendidikan yang terdapat di Pulau Pinang seperti yang diterangkan dalam Jadual 3.5 dan Jadual 3.6⁵⁹.

Jadual 3.5
Maklumat Sekolah Mengikut Daerah, Pulau Pinang Sehingga Disember 2008

Jenis Sekolah / Daerah	SPT	SPU	SPS	TL	BD	Jumlah
Sekolah Kebangsaan	28	34	19	14	20	115
Sekolah Rendah Kebangsaan	3	6	1	17	2	29
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina	15	16	7	38	14	90
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil	5	5	12	5	2	29
Sekolah Rendah Pendidikan Khas	0	0	0	1	0	1
Sekolah Menengah	24	19	13	32	9	97
Sekolah Menengah Vokasional	0	1	0	1	0	2
Sekolah Menengah Teknik	1	0	1	1	1	4
Sekolah Menengah Kebangsaan Agama	0	1	1	2	0	4
Sekolah Antarabangsa	0	0	0	4	1	5
Sekolah Rendah Swasta / Persendirian	0	0	0	1	0	1
Sekolah Menengah Swasta / Persendirian	3	1	1	5	1	11
Sekolah Agama Rakyat	23	49	14	12	16	114
Jumlah	102	132	69	133	66	502

Nota: SPT=Seberang Perai Tengah, SPU=Seberang Perai Utara, SPS=Seberang Perai Selatan, TL=Timur Laut, BD=Barat Daya

Sumber: Dipetik daripada Penang Geography Information System (PEGIS), PSUKPP dalam Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, <http://www.penang.gov.my/index.php?ch=10&pg=52>, 10 Oktober 2010

⁵⁸ *Ibid.*

⁵⁹ Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, <http://www.penang.gov.my/index.php?ch=10&pg=52>, 10 Oktober 2010

Jadual 3.6
Bilangan Guru di Sekolah Rendah dan Menengah Mengikut Daerah
di Pulau Pinang pada Tahun 2008

Daerah	Rendah	Menengah
Timur Laut	2,466	2,798
Barat Daya	1,385	749
Seberang Perai Utara	2,352	1,872
Seberang Perai Tengah	2,512	2,108
Seberang Perai Selatan	1,275	1,044
Jumlah	9,990	8,571

Sumber: Dipetik daripada Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang dalam Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, <http://www.penang.gov.my/index.php?ch=10&pg=52>, 10 Oktober 2010

Manakala bagi pengajian tinggi, sebanyak tiga Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), dua Politeknik, dan empat Kolej Komuniti terdapat di Pulau Pinang. Pusat-pusat pengajian ini menyediakan pengajian di peringkat sijil, diploma, sarjana muda, sarjana dan juga kedoktoran. Sejumlah 10,902 kemasukan telah didaftarkan dan 36,567 enrolmen telah dikeluarkan daripada IPTA, Politeknik dan Kolej Komuniti di seluruh Pulau Pinang pada tahun 2008. Selain itu, kemudahan perpustakaan juga penting sebagai medium penyebaran maklumat dan pengetahuan. Bilangan perpustakaan juga turut menjadi antara petunjuk kepada Indeks Pembangunan Manusia. Di Pulau Pinang, sejumlah 100 buah perpustakaan yang terdiri daripada pelbagai jenis seperti perpustakaan pusat, perpustakaan cawangan, perpustakaan desa, perpustakaan bergerak dan juga perpustakaan kanak-kanak telah disediakan untuk kemudahan orang awam mengakses maklumat selain sebagai tempat rujukan dan mengulang kaji⁶⁰. Begitu juga dalam aspek kesihatan, sebanyak 137 kemudahan kesihatan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan 617 lagi kemudahan kesihatan yang disediakan oleh pihak swasta. Kemudahan-kemudahan seperti hospital, klinik kesihatan, klinik desa, klinik kesihatan ibu dan anak dan juga klinik pergigian⁶¹.

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, <http://www.penang.gov.my/index.php?ch=10&pg=58&ac=392>, 10 Oktober 2010

Bagi kadar kemiskinan pula, Pulau Pinang mencatatkan kadar kemiskinan yang rendah pada paras 1.2 peratus pada tahun 2002, menurun pada 0.3 peratus pada tahun 2004, meningkat semula pada paras 1.4 peratus pada tahun 2007 dan menurun semula pada paras 1.2 pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, kadar kemiskinan Pulau Pinang masih pada tahap yang rendah, iaitu kurang daripada 5 peratus. Negeri maju seperti Pulau Pinang secara puratanya mempunyai indeks pembangunan ekonomi, sosial dan komposit yang lebih tinggi⁶². Jadual 3.7 menunjukkan kadar insiden kemiskinan dan kemiskinan tegar mengikut negeri di Malaysia bagi tahun 2002, 2004, 2007 dan 2009⁶³.

Jadual 3.7
Insiden Kemiskinan dan Kemiskinan Tegar Mengikut Negeri di Malaysia
bagi Tahun 2002, 2004, 2007 dan 2009

Negeri /Tahun	Kemiskinan				Kemiskin Tegar			
	2002	2004	2007	2009	2002	2004	2007	2009
Johor	2.5	2.0	1.5	1.3	0.1	0.3	0.2	0.1
Kedah	9.7	7.0	3.1	5.3	2.0	1.3	0.3	0.8
Kelantan	17.8	10.6	7.2	4.8	3.4	1.3	1.5	1.0
Melaka	1.8	1.8	1.8	0.5	0.0	0.2	0.2	0.1
N.Sembilan	2.6	1.4	1.3	0.7	0.2	0.2	0.1	0.1
Pahang	9.4	4.0	1.7	2.1	1.1	1.0	0.4	0.3
P.Pinang	1.2	0.3	1.4	1.2	0.1	-	0.1	0.1
Perak	6.2	4.9	3.4	3.5	1.0	1.1	0.7	0.5
Perlis	8.9	6.3	7.0	6.0	0.9	1.7	1.4	0.8
Selangor	1.1	1.0	0.7	0.7	0.2	0.04	0.1	0.1
Terengganu	14.9	15.4	6.5	4.0	2.2	4.4	0.8	0.5
Sabah/F.T.Labuan	16.0	23.0	16.0	19.2	4.0	6.5	3.7	4.7
Sarawak	11.3	7.5	4.2	5.3	1.8	1.1	0.7	1.0
F.T.KL	0.5	1.5	1.5	0.7	-	0.2	0.1	0.1
F.T. Putrajaya	-	-	-	-	-	-	-	-
Malaysia	6.0	5.7	3.6	3.8	1.0	1.2	0.7	0.7

Sumber: Dipetik daripada Unit Perancang Ekonomi Negara, http://www.epu.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=5bf3a7ca-37a7-4ebb-96c6-634ce17141dc&groupId=34492, 16 September 2011; Laporan Indeks Kualiti Hidup Malaysia 2004, Unit Perancang Ekonomi Negara, <http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/images/common/pdf/LaporanMQLI%202004.pdf>, 10 November 2010

Kerajaan Negeri Pulau Pinang berusaha menghapuskan kemiskinan bagi pembangunan ekonomi yang menyeluruh di Pulau Pinang. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri Pulau

⁶² Chamhuri Siwar (2009), "Pembasmian Kemiskinan dan Ketidakerataan Agihan Pendapatan", dalam Nor Aini Idris dan Ishak Yussof (eds.), *Ekonomi Malaysia Ke Arah Pembangunan Seimbang*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), h.135-155
⁶³ Unit Perancang Ekonomi Negara, http://www.epu.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=f4acf680-3679-4382-906b-43ae413c165f&groupId=34492, 10 November 2010; Laporan Indeks Kualiti Hidup Malaysia 2004, Unit Perancang Ekonomi Negara, <http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/images/common/pdf/LaporanMQLI%202004.pdf>, 10 November 2010

Pinang telah berjaya menghapuskan miskin tegar di Pulau Pinang. Pembasmian kemiskinan tegar dilaksanakan menerusi, antaranya dengan menyediakan pemberian RM500 sebulan kepada setiap keluarga miskin tegar. Di samping itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menghapuskan deposit meter air RM70 bagi golongan keluarga termiskin ini serta memberikan wang penghargaan RM100 kepada semua warga emas yang berumur 60 tahun ke atas, ibu tunggal dan orang kurang upaya yang bermaustatin di Pulau Pinang pada setiap tahun. Kerajaan Negeri Pulau Pinang berusaha membuktikan bagi mencapai wawasan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa, taraf hidup semua golongan harus dititikberatkan.⁶⁴

3.4 Kedudukan Pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam di Pulau Pinang

Menurut Sulaiman Mahbob, secara amnya di Malaysia, jurang perbezaan relatif ekonomi dan sosial masih wujud dan ketara antara kaum Melayu dan Bumiputera (merujuk kepada masyarakat Islam) dengan kaum Cina dan India.⁶⁵ Ini dapat diperhatikan daripada beberapa segi, sebagai contoh dari segi keusahawanan. Bumiputera kebanyakannya masih berkecimpung dalam perniagaan berskala kecil seperti perniagaan runcit, dan perkhidmatan perkongsian seperti guaman, perundingan, klinik dan arkitek. Perniagaan Bumiputera ini juga amat bergantung kepada kontrak dan

⁶⁴ Blog rasmi Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang, http://cm.penang.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=1286:ucapan-ketua-menteri-pulau-pinang-dan-pengerusi-pakatan-rakyat-pulau-pinang-lim-guan-eng-dalam-konvensyen-pakatan-rakyat-pertama-di-komtar-george-town-pada-21112010&catid=25:dari-meja-ketua-menteri&Itemid=482, 22 November 2010; Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ucapan Penggugungan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, (Sempena Mesyuarat Yang Pertama Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri yang Kedua Belas pada 6 Mei 2010), <http://www.penang.gov.my/index.php?ch=14&pg=90&ac=1551>, 10 Oktober 2010; The Star Online, <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2010/2/28/nation/20100228175002&sec=nation>, 28 Februari 2010; Utusan Online, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1216&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_03.htm, 22 November 2010; Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Rumusan Bajet 2011, http://www.penang.gov.my/view.php?dbIndex=0&website_id=1&id=1649, 22 November 2011

⁶⁵ Sulaiman Mahbob (2009), "Kedudukan Semasa Ekonomi dan Sosial Umat Islam di Malaysia: Kepentingan Pengukuhan Modal Sosial", (kertas kerja dibentangkan dalam Kongres Ekonomi Islam Ketiga di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), anjuran Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pada 12-15 Januari 2009), h.1-15

perolehan dari Kerajaan sahaja.⁶⁶ Jadual 3.8 menunjukkan nilai pemilikan ekuiti mengikut etnik dalam sektor korporat bagi tahun 1990 sehingga 2006.

Jadual 3.8
Pemilikan Ekuiti dalam Sektor Korporat (%)-Nilai Par
bagi Tahun 1990 sehingga Tahun 2006

Etnik	1990	2000	2006
Bumiputera	19.2	18.9	19.4
Bukan Bumiputera:	46.8	41.3	43.9
Cina	45.5	38.9	42.4
India	1	1.5	1.1
Lain-lain	0.3	0.9	0.4
Syarikat Nomini	8.5	8.5	6.6
Rakyat Asing	25.4	31.3	30.1
Jumlah	100	100	100

Sumber: Dipetik daripada Unit Perancang Ekonomi dalam Sulaiman Mahbob (2009), "Kedudukan Semasa Ekonomi dan Sosial Umat Islam di Malaysia: Kepentingan Pengukuhan Modal Sosial", (kertas kerja dibentangkan dalam Kongres Ekonomi Islam Ketiga di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), anjuran Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pada 12-15 Januari 2009), h.1-15

Jika dilihat dari segi pemilikan aset pula, kaum Bumiputera hanya memiliki dalam lingkungan 19 peratus, iaitu masih di bawah sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus bagi mencapai matlamat 2020. Penguasaan Bumiputera lebih bertumpu kepada aset perumahan dan kedai runcit tradisional malah, pemilikan Bumiputera terhadap premis perniagaan di kawasan bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sebagai contohnya, masih terlalu sedikit seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.9.⁶⁷

Jadual 3.9
Pemilikan Premis Komersil Mengikut Kumpulan Etnik (%)
bagi Tahun 2005 dan 2007

Tahun	2005				2007			
	Bumi-putera	Cina	India	Lain-lain	Bumi-putera	Cina	India	Lain-lain
Bangunan	12.7	72.6	5.4	9.3	15.7	75.7	4.3	4.3
Kompleks Perniagaan	11.7	69.4	2.1	16.9	29.2	61.9	2.9	6
Premis Industri	4.8	70.4	1.5	23.3	3.5	87.2	1.5	7.8
Hotel	14.3	69.3	3.2	13.2	20.8	54	2.7	22.5
Jumlah	11.7	71.9	4.6	11.8	15	76.1	3.8	5.1

Sumber: Dipetik daripada Unit Perancang Ekonomi dalam Sulaiman Mahbob (2009), "Kedudukan Semasa Ekonomi dan Sosial Umat Islam di Malaysia: Kepentingan Pengukuhan Modal Sosial", (Kertas kerja dibentangkan dalam Kongres Ekonomi Islam Ketiga di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ *Ibid.*

Putra (PWTC), anjuran Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pada 12-15 Januari 2009), h.1-15

Manakala dari segi kedudukan profesional Bumiputera pula, tumpuan Bumiputera adalah dalam sektor perkhidmatan kerajaan dan sektor awam keseluruhannya. Ini menunjukkan bahawa kaum lain telah mendahului kaum bumiputera dalam sektor swasta. Justeru, menyebabkan wujudnya jurang dalam nisbah pendapatan antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera, iaitu Cina dan India di Malaysia.⁶⁸

Berdasarkan Jadual 3.10, nisbah ketaksamaan pendapatan Bumiputera dengan Cina di Malaysia mengecil antara tahun 1980 hingga 1990, tidak berubah antara tahun 1990 hingga 1999, dan semakin mengecil semula pada tahun 1999 hingga 2009. Begitu juga dengan nisbah ketaksamaan pendapatan Bumiputera dengan India yang mana mengecil antara tahun 1980 hingga 1990, tetapi meningkat pada tahun 1990 hingga 1999 dan menguncup semula pada tahun 2004 hingga 2009. Pada umumnya, jurang pendapatan Bumiputera dengan bukan Bumiputera yang melebar mencerminkan kadar pertumbuhan pendapatan Bumiputera yang lebih perlahan berbanding pendapatan bukan Bumiputera dan sebaliknya berlaku apabila jurang tersebut mengecil.⁶⁹ Oleh itu, pendapatan umat Islam yang rata-ratanya Bumiputera adalah masih pada tahap yang rendah, iaitu 1:1.38 berbanding dengan etnik Cina dan 1:1.10 berbanding dengan etnik India.

Jadual 3.10
Nisbah Ketaksamaan Pendapatan Bumiputera dengan Cina dan India di Malaysia
dari Tahun 1980 hingga 2009

Etnik / Tahun	1980	1990	1999	2004	2007	2009
Bumiputera : Cina	1 : 2.04	1 : 1.74	1 : 1.74	1 : 1.64	1 : 1.54	1 : 1.38
Bumiputera : India	1 : 1.54	1 : 1.29	1 : 1.36	1 : 1.27	1 : 1.20	1 : 1.10

Sumber: Dipetik daripada Unit Perancang Ekonomi, <http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/html/RMKE10/img/pdf/bm/bab4.pdf>, 16 September 2011; Sulaiman Mahbob (2009), "Kedudukan Semasa Ekonomi dan Sosial Umat Islam di Malaysia: Kepentingan Pengukuhan Modal Sosial", (kertas kerja dibentangkan dalam Kongres Ekonomi Islam Ketiga di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), anjuran Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pada 12-15 Januari 2009), h.1-15

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ Chamhuri Siwar (2009), *op.cit.*, h.135-155

Jadual 3.11 menunjukkan insiden kemiskinan mengikut etnik dan strata di Malaysia. Semua etnik mengalami penurunan dalam kadar kemiskinan. Bagi Bumiputera adalah 9 peratus pada tahun 2002, 8.3 peratus pada tahun 2004, 5.1 peratus pada tahun 2007 dan meningkat pada 5.3 peratus pada tahun 2009. Akan tetapi, secara relatifnya kadar kemiskinan masih tinggi di kalangan kaum Bumiputera berbanding dengan bukan Bumiputera. Malah kadar kemiskinan Bumiputera juga melebihi kadar kemiskinan nasional pada setiap tahun. Dari segi strata, kadar kemiskinan di luar bandar masih tinggi walaupun mengalami penurunan, iaitu dari 13.5 peratus pada tahun 2002 kepada 11.9 peratus pada tahun 2004, 7.1 pada tahun 2007 dan meningkat kepada 8.4 peratus pada tahun 2009. Penduduk luar bandar ini juga kebanyakannya terdiri di kalangan bumiputera. Menurut Chamhuri, paras pendapatan Bumiputera yang relatif rendah berbanding bukan Bumiputera menyebabkan kadar kemiskinan di kalangan Bumiputera relatif tinggi.⁷⁰

Jadual 3.11
Insiden Kemiskinan Mengikut Etnik dan Strata di Malaysia, bagi Tahun 2002, 2004, 2007 dan 2009

Tahun	2002	2004	2007	2009
Malaysia	6.0	5.7	3.6	3.8
Etnik				
Bumiputera	9.0	8.3	5.1	5.3
Cina	1.0	0.6	0.6	0.6
India	2.7	2.9	2.5	2.5
Lain-lain	8.5	6.9	9.8	6.7
Strata				
Bandar	2.3	2.5	2.0	1.7
Luar Bandar	13.5	11.9	7.1	8.4

Nota : Pengiraan kemiskinan tegar adalah berdasarkan metodologi 2005


Sumber: Diubahsuai daripada Unit Perancang Ekonomi Negera, http://www.epu.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=5bf3a7ca-37a7-4ebb-96c6-634ce17141dc&groupId=34492, 16 September 2011

Kedudukan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Pulau Pinang dilihat berdasarkan kepada beberapa aspek. Antaranya, berdasarkan kepada pemilikan aset Bumiputera,

⁷⁰ Chamhuri Siwar (2009), *op.cit.*, h.135-155


rumah misalnya, hanya 18 peratus Bumiputera yang memiliki rumah kos sederhana rendah yang bernilai dalam lingkungan RM 42,000 sehingga RM 75,000 dan selebihnya merupakan pemilik bukan Bumiputera seperti dalam Rajah 3.10.⁷¹

Rajah 3.10
Statistik Pemilikan Rumah Kos Sederhana Rendah di Pulau Pinang sehingga Julai 2009



Sumber: Dipetik daripada Bahagian Perumahan, PSUKPP dalam portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, <http://www.penang.gov.my/index.php?ch=10&pg=58&ac=394>, 10 Oktober 2010

Rajah 3.11
Statistik Pemilikan Rumah Kos Rendah di Pulau Pinang sehingga Julai 2009⁷²



Sumber: Dipetik daripada Bahagian Perumahan, PSUKPP dalam portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, <http://www.penang.gov.my/index.php?ch=10&pg=58&ac=394>, 10 Oktober 2010

Manakala, bagi pemilikan rumah kos rendah yang bernilai kurang daripada RM 42,000, 59 peratus daripadanya dimiliki oleh Bumiputera seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.11. Hal ini kerana harga rumah kos rendah lebih murah dan mampu dimiliki memandangkan ramai Bumiputera merupakan kakitangan kerajaan. Tambahan pula, faktor keselesaan hidup di rumah atas tanah menyebabkan Bumiputera lebih selesa tinggal di tanah besar. Ini kerana selain faktor harga rumah yang jauh lebih murah,

⁷¹Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, <http://www.penang.gov.my/index.php?ch=10&pg=58&ac=394>, 10 Oktober 2010

⁷² Kerajaan Negeri Pulau Pinang, <http://www.penang.gov.my/index.php?ch=10&pg=58&ac=394>, 20 Onktober 2010

mereka juga boleh memiliki rumah atas tanah seperti rumah teres, rumah berangkai atau banglo.⁷³

Menyedari akan hal tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil pelbagai pendekatan bagi memaju dan menaikkan taraf kehidupan rakyatnya. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memartabatkan kaum Bumiputera di Pulau Pinang termasuklah menyalurkan Peruntukan Hal Ehwal Agama dengan kenaikan sekali ganda daripada RM12.5 juta pada tahun 2008 kepada RM24.3 juta pada tahun 2010.⁷⁴ Peruntukan ini ditambah memandangkan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) merupakan badan yang bertanggungjawab menjaga kebajikan masyarakat Islam di Pulau Pinang. Justeru itu MAINPP melalui anak syarikatnya Pusat Urus Zakat Pulau Pinang bertanggungjawab melaksanakan pelbagai bentuk program agihan bagi membangunkan masyarakat Islam di Pulau Pinang.⁷⁵ Manakala bagi tahun 2011, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memperuntukan sebanyak RM 63 juta bagi menambah bantuan untuk hal ehwal agama Islam baik dalam bentuk ex-gratia kepada guru Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA) dan huffaz mahupun projek-projek pembangunan masyarakat Islam berlandaskan “amar maaruf nahi mungkar”.⁷⁶

Manakala dari segi keusahawanan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mengamalkan dasar tender terbuka yang berlandaskan prinsip CAT (Cekap, Akauntibiliti, Telus). Ini bertujuan menghidupkan budaya persaingan secara sihat dan mengalakkan kontraktor Bumiputera untuk bersaing dalam bidang perniagaan. Hasilnya, kontraktor Bumiputera telah berjaya memperoleh 67 peratus daripada kontrak yang ditender oleh Perbadanan

⁷³Utusan Malaysia Online, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=1122&pg=mh_02.htm&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&y=2010, 22 November 2010

⁷⁴ Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ucapan Penggulangan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, (Sempena Mesyuarat Yang Pertama Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri yang Kedua Belas pada 6 Mei 2010), *op.cit.*, 10 Oktober 2010

⁷⁵ Laporan Korporat 2008, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, h.19

⁷⁶ Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Rumusan Bajet 2011, *op.cit.*, 22 November 2010

Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBA) dan 70 peratus kontraktor Bumiputera telah berjaya memperoleh kontrak yang ditender oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Ini membuktikan bahawa kontraktor Bumiputera mampu bersaing dengan sendirinya tanpa bergantung kepada sesiapa.⁷⁷

Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah melancarkan Projek Titian Saksama Rakyat. Projek ini bertujuan bagi menyediakan pinjaman tanpa faedah sehingga maksima RM5,000.00 kepada usahawan kecil. Kejayaan pelaksanaan projek ini telah memberi manfaat kepada 80.3 peratus usahawan Bumiputera. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membelanjakan sebanyak RM3 juta pada tahun 2009 bagi program ini. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1.17 juta telah diagihkan kepada 293 Bumiputera, RM 87,032 kepada 23 orang Cina dan RM 163,159 kepada 46 orang India.⁷⁸

Selain itu, Pusat Sehenti Bumiputera (BOSC) turut ditubuhkan pada 31 Julai tahun ini merupakan inisiatif terbaru kerajaan persekutuan dalam usaha membantu golongan Bumiputera meningkatkan tahap sosioekonomi dalam pelbagai bidang khususnya melalui cabang keusahawanan. Pusat ini menjadi pusat khidmat dan rujukan golongan bumiputera untuk meningkatkan keupayaan dalam bidang perniagaan serta keusahawanan. Pelbagai perkhidmatan termasuk klinik perniagaan, kemudahan komputer e-Direktori, kursus dan latihan, pembiayaan skim pinjaman dan bantuan perumahan serta pendidikan disediakan. Melalui klinik perniagaan, BOSC menyediakan khidmat nasihat keusahawanan oleh agensi-agensi berkepentingan bumiputera dalam bidang pengurusan, pembiayaan, teknikal, pasaran dan mentor. BOSC turut

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ *Ibid.*

menyediakan garis panduan dan nasihat berkaitan skim-skim pinjaman bantuan dan geran yang ditawarkan agensi kerajaan.⁷⁹

Dari usaha-usaha yang dilaksanakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mencapai wawasan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa justeru, taraf hidup semua golongan dititikberatkan.⁸⁰ Namun begitu, secara keseluruhannya, kedudukan ekonomi Bumiputera, yang rata-ratanya adalah masyarakat Islam masih perlu dibangunkan. Kebanyakan umat Islam masih terlalu bergantung kepada kemudahan yang disediakan oleh kerajaan walaupun, tidak dapat dinafikan menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakannya kemudahan-kemudahan ini. Namun demikian, sekiranya masyarakat Islam terutama warga korporat di negara ini mempunyai kesedaran yang tinggi tentang wakaf untuk kepentingan masa depan masyarakat Islam, maka pelbagai kemudahan program pembangunan dapat dijalankan untuk kepentingan masyarakat Islam⁸¹. Oleh itu, inisiatif institusi wakaf menerusi Skim Dana Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan dapat dijadikan salah satu langkah penyelesaian kepada kemuelut ini. Matlamat penubuhan Skim Dana Wakaf bagi membangunkan hartanah wakaf di samping membangunkan ekonomi masyarakat⁸².

⁷⁹ Utusan Online, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0801&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_15.htm, 22 November 2010

⁸⁰ Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ucapan Penggugulan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, (Sempena Mesyuarat Yang Pertama Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri yang Kedua Belas pada 6 Mei 2010), *op.cit*, 10 Oktober 2010; The Star Online, <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2010/2/28/nation/20100228175002&sec=nation>, 10 Oktober 2010; Utusan Online, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1216&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_03.htm, 10 November 2010

⁸¹ Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *Wakaf: Pengurusan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA, h.170

⁸² Ahmad Syah Firafizal (2010), Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.


3.5 Potensi Wakaf Tunai dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam

Wakaf tunai merupakan sumber dana yang mempunyai potensi yang cukup besar dalam merangsang dan membangunkan ekonomi umat Islam. Wakaf tunai yang kebiasaanya diwakafkan untuk kegunaan orang ramai ini mempunyai keunikan dan kekuatannya tersendiri dari sudut sosial dan ekonomi⁸³.

Justeru, sejauh mana peranan yang boleh dimainkan oleh wakaf tunai baik secara langsung atau tidak langsung dalam membantu mencapai matlamat pembangunan ekonomi sesebuah masyarakat menurut perspektif Islam. Rajah 3.12 menggambarkan secara ringkas potensi wakaf tunai dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam secara keseluruhannya.

⁸³ Timur Kuran (2001), "The Provision Of Public Goods Under Islamic Law: Origin, Contribution and Limitation Of The Waqf System", *Law & Society Review*, 35 (4), h.841-897 (Center for Law, Economic and Organization, Research Paper Series, Research Paper No.C 01-13 and C01-24, University of Southern California Law School, Los Angeles,U.S.A); Duddy Roesmara Donna dan Mahmudi (2007), "The Dynamic Optimization of Cash Waqf Management: An Optimal Control Theory Approach", (Kertas kerja International Conference: Management From Islamic Perspectives at International Islamic University Malaysia (IIUM), Kuala Lumpur, 15-16 Mei 2007); Agustianto M.Ag (2006), "Wakaf Tunai Dalam Hukum Positif dan Prospek Pemberdayaan Ekonomi Syari'ah", (Kertas kerja dibentangkan pada acara Studium General Stain Kediri, 20 September 2006), h.1-14; Abdul Halim Sunny (2007), "Dana Wakaf Pendidikan: Satu Tinjauan Awal", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Putrajaya: Yayasan Waqaf Malaysia, Vol.1, No.2(1), h.33-44

Rajah 3.12
Potensi Wakaf Tunai dalam Pembangunan Ekonomi



Sumber: Diubahsuai daripada Duddy Roesmara Donna dan Mahmudi (2007), *op.cit.*; Dian Masyita (*et. al*) (2001), *op.cit.*; Cengiz Toraman dan Berdiye Tuncsiper (2007), *op.cit.*, h.1-19; Achmad Tohirin (2010), *op.cit.*, h.485-499; Hasnol Zam Zam Ahmad (2007), *op.cit.*, h.1-12; Nooh Gadot (2006), *op.cit.*; Jon E. Mandaville (1979), *op.cit.*, h.289-308; Osman Sabran (2002), *op.cit.*, h.74; Shamsiah Abdul Karim (2010), *op.cit.*, h.143-164; Shamsiah Abdul Karim (2006), *op.cit.*, 10 Jun 2010, h.1-14; Abdul Halim Sunny (2007), *op.cit.*, h.33-44; Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail (2008), *op.cit.*, h.25-62; Agustianto M.Ag (2006), *op.cit.*, h.1-14; Norsiah Sulaiman dan Farahdina Abdul Manaf (2009), *op.cit.*, h.2-30; Muhammad Hisyam Mohamad (2008), *op.cit.*, 15 Julai 2010

Potensi wakaf tunai dalam pembangunan masyarakat Islam, adalah seperti berikut:

(a) Membantu mempergiatkan aktiviti ekonomi

Keupayaan wakaf tunai dalam membantu mempergiatkan aktiviti ekonomi dapat ditonjolkan daripada pelbagai bidang ekonomi. Antaranya sebagai:

(i) Sumber modal pelaburan

Keistimewaan konsep wakaf tunai yang tidak boleh dipindah milik dengan menjualnya, tidak boleh dihibahkan malah tidak boleh diwarisi membentuknya sebagai modal kekal umat Islam yang sentiasa bertambah.⁸⁴ Modal daripada wakaf tunai ini dapat dijana melalui pelbagai sektor misalnya, sektor hartanah dengan pembelian premis atau bangunan pejabat di tempat-tempat yang strategik dan kemudiannya disewakan kepada umat Islam dengan harga yang berpatutan. Pendapatan yang diperolehi daripada hasil sewaan tersebut dapat digunakan bagi tujuan penyelenggaraan harta-harta wakaf atau digunakan dalam pelaburan lain.⁸⁵

Wakaf tunai berpotensi dijadikan sebagai modal pelaburan berdasarkan prinsip al-Mudharah bagi membantu usahawan bumiputera Islam dalam menjalankan perniagaan ekonomi berskala kecil dan sederhana. Setelah cukup tempoh-tempoh tertentu, usahawan yang telah berjaya akan membayar semula wang modal yang telah dipinjamkan beserta keuntungan daripada perniagaan tersebut. Dan kemudiannya wang tersebut digunakan pula oleh usahawan lain yang ingin memulakan perniagaannya.⁸⁶ Kesan daripada pelaburan ini dapat membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada golongan yang kurang berkemampuan selain dapat mengurangkan pergantungan kepada modal pinjaman yang disediakan oleh bank-bank konvensional.

⁸⁴ Duddy Roesmara Donna dan Mahmudi (2007), *op.cit.*; Dian Masyita (*et. al*) (2001), "A Dynamic Model for Cash Waqf Management As One of The Alternative Instruments for the Poverty Alleviation in Indonesia", (Cash Waqf Implementation in Indonesia, MUI Commission of Economy), h.1-19, *lihat juga* Islamic World.net, http://islamic-world.net/economics/waqf_management.htm, 12 Oktober 2010

⁸⁵ Cengiz Toraman dan Berdiye Tuncsiper (2007), "Cash Awqaf in the Ottoman as Philanthropic Foundations and their Accounting Practices", (Kertas kerja yang dibentangkan dalam "The Fifth Accounting History International Conference", 9-11 Ogos 2007, Banff, Alberta, Canada) h.1-19, *lihat* http://www.mufad.org/index.php?option=com_docman&task=doc_download&gid=49&Itemid=100AAA, 15 Julai 2010; Agustianto M.Ag (2006), *op.cit.*, h.1-14

⁸⁶ Monzer Kahf (1998), "Financing The Development of Awqaf Property", (Kertas kerja dalam Seminar on Development of Awqaf, anjuran IRTI, Kuala Lumpur, 2-4 Mac 1998), h.1-46 ; Achmad Tohirin (2010), *op.cit.*, h.485-499; Duddy Roesmara Donna dan Mahmudi (2007), *op.cit*

(ii) Dana bagi pembangunan tanah wakaf

Pengalaman pengurusan wakaf telah meletakkan kekangan kewangan sebagai faktor utama harta wakaf tidak alih tidak dapat dimajukan. Justeru, wakaf tunai yang dikumpulkan dapat dimanfaatkan bagi membangunkan aset-aset wakaf ini baik untuk tujuan komersil dengan mendirikan bangunan perniagaan untuk disewakan, atau diusahakan untuk kegunaan ladang pertanian dan penternakan yang mengeluarkan hasil. Malah wang tersebut juga boleh digunakan dalam *istibdal* tanah-tanah wakaf dari lokasi yang tidak berpotensi kepada lokasi yang berdaya maju dan dapat memberikan pulangan yang lumayan berbanding jika tanah-tanah tersebut tidak diusahakan dan tidak mengeluarkan sebarang hasil.⁸⁷ Di Malaysia misalnya, bangunan Saham Wakaf Johor yang mempunyai 6 tingkat di KM 10 Jalan Skudai, Johor Bharu dengan kos RM4 Juta telah siap dibina pada tahun 1995. Bangunan ini kemudiannya disewakan sebagai premis perniagaan, dan kini telah berjaya menghasilkan pendapatan sebanyak melebihi RM1.2 juta sejak tahun 1995.⁸⁸

(iii) Penyediaan pinjaman cara Islam

Wakaf tunai yang dikumpul secara kolektif ini berpotensi digunakan bagi menawarkan pinjaman jika diurus dengan berhemat. Kontrak Qard al-Hasan yang diterapkan dalam pinjaman cara Islam, iaitu pinjaman tanpa bunga dan atas dasar al-ehsan (perikemanusiaan) ini dapat mengurangkan beban golongan yang kurang berkemampuan ketika mengalami krisis kesempitan wang. Pinjaman tersebut dapat digunakan bagi melangsaikan hutang, cukai tertunggak, membuka perniagaan dan masalah-masalah

⁸⁷ Hasnol Zam Zam Ahmad (2007), *op.cit.*,h.1-12; Agustianto M.Ag (2006), *op.cit.*, h.1-14

⁸⁸ Nooh Gadot (2006), "Amalan Saham Wakaf di Johor", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

lain.⁸⁹ Bahkan menurut Jon E. Mandaville, wakaf tunai telah menjadi sumber signifikan sebagai pinjaman kepada petani dan penduduk bandar sekitar 20 tahun terakhir dari abad ke-16 dan setengah pertama dari abad ke-17.⁹⁰

(iv) Menambah dan Mengekalkan Pemilikan Aset Masyarakat Islam

Wakaf tunai juga dapat memastikan kelangsungan pemilikan aset masyarakat Islam secara berterusan kerana konsepnya yang tidak boleh dipindah milik dan kekal sebagai harta awam ummah. Justeru, proses penukarannya dari wang tunai kepada harta yang kekal adalah penting. Ibarat menabung untuk jangka panjang, oleh itu harta tersebut dapat menjamin kebaikan dan kebajikan generasi masyarakat Islam sekarang dan akan datang serta boleh dimanfaatkan berulang kali.⁹¹

(b) Melengkapkan prasarana tempat beribadah dan sosial masyarakat

Masjid dan surau mempunyai kaitan yang rapat dalam membangunkan aspek kerohanian modal insan bagi masyarakat Islam. Selain dijadikan tempat beribadah, masjid dan surau kebiasaannya sering mengadakan aktiviti-aktiviti kerohanian lain dalam usaha mendekatkan masyarakat kepada agama serta membina keperibadian muslim yang sebenar.⁹² Seorang muslim yang patuh pada agama, mempunyai akhlak yang baik pastinya cenderung menjalani kehidupan yang lebih baik, cergas dan produktif. Justeru, dana wakaf yang dikumpulkan dapat digunakan bagi mendirikan masjid atau surau

⁸⁹Cengiz Toraman dan Berdiye Tuncsiper (2007), *op.cit.*, h.1-19

⁹⁰ Jon E. Mandaville (1979), "Usurious Piety: The Cash Waqf Controversy in The Ottoman Empire", *International Journal of Middle East Studies*, Cambridge University Press, Vol. 10, No. 3, Ogos 1979, h.289-308

⁹¹ Duddy Roesmara Donna dan Mahmudi (2007), *op.cit*

⁹² Osman Sabran (2002), *Pengurusan Harta Wakaf*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, h.74; Shamsiah Abdul Karim (2010), "Contemporary Shari'a Compliance Structuring for the Development and Management of Waqf Assets in Singapore", *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 2-3 March 2010, h.143-164; Shamsiah Abdul Karim (2006), "Pengurusan dan Pembangunan Wakaf Di Singapura", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

selain daripada bergantung kepada peruntukan kerajaan.⁹³ Sebagaimana di Singapura misalnya, yang mempunyai 70 buah masjid keseluruhannya bukan saja berperanan sebagai tempat ibadah bagi masyarakat Islam di Singapura bahkan turut dijadikan pusat kegiatan sosial masyarakat dan menjadi pusat sumber rujukan kepada masyarakat bukan Islam untuk mendalami agama Islam.⁹⁴

(c) Membantu melengkapkan infrastruktur dan pembiayaan pendidikan

Pendidikan merupakan antara faktor penting dalam usaha menyediakan modal insan yang berguna. Sejak berzaman lagi, penyediaan kemudahan tempat pengajian seperti pondok pengajian, pesantren dan surau, penyediaan kitab-kitab pengajian sehinggalah kepada pembayaran gaji atau upah kepada tenaga pengajarnya telah dibiayai oleh dana wakaf. Sehingga sekarang kita dapat melihat beberapa buah pusat pengajian yang wujud dan berkembang hasil daripada pembiayaan wakaf baik di dalam Negara, mahupun di luar Negara seperti Universiti al-Azhar dan Universiti Cordova. Malah gaji pensyarah dan kakitangan pentadbiran juga dibayar menerusi dana wakaf.⁹⁵

(d) Membantu menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan

Kesihatan yang baik dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Tubuh badan yang sihat menjadikan kerja harian berjalan lancar sekaligus meningkatkan produktiviti dalam pekerjaan. Sumbangan wakaf tunai terhadap penubuhan hospital-hospital atau klinik-klinik wakaf seperti hospital bersalin di Kota Rayy di Parsi, Hospital al-

⁹³ Cengiz Toraman dan Berdiye Tuncsiper (2007), *op.cit.*, h.1-19; Dian Masyita (*et. al*) (2001), *op.cit.*, h.1-19; Asming Yalawae & Izah Mohd Tahir (2008), "The Role of Islamic Institution in Achieving Equality and Human Development: Waqf or Endowment", 12 September 2008, *lihat* <http://www.capabilityapproach.com/pubs/Asming%20Yalawae,%20and%20Izah%20TahirWaqfAsmeng.pdf>, 10 Jun 2010, h.1-14; Abdul Halim Sunny (2007), *op.cit.*, h.33-44

⁹⁴ Shamsiah Abdul Karim (2010), *op.cit.*, h.143-164; (2006), *op.cit.*

⁹⁵ Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail (2008), "Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), jil.2, 2 (2), h.25-62; Agustianto M.Ag (2006), *op.cit.*, h.1-14; Asming Yalawae & Izah Mohd Tahir (2008), *op.cit.*, h.1-14

Muqtadiri di Baghdad dan al-Mansuri di Cairo bertujuan bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan kepada semua golongan masyarakat.⁹⁶

(e) Membantu golongan yang kurang berkemampuan

Wakaf tunai juga mampu bertindak sebagai mekanisme agihan semula kekayaan bagi mencapai keadilan ekonomi dalam masyarakat.⁹⁷ Wakaf tunai disalurkan kepada golongan yang kurang berkemampuan misalnya, sebagaimana yang dirakam dalam catatan sejarah perjalanan Ibn Battuta yang mana beliau melihat sendiri peristiwa seorang hamba yang telah memecahkan mangkuk porselin dari China secara tidak sengaja, hamba tersebut yang ketakutan dikerumuni oleh orang ramai, dan didatangi salah seorang daripada mereka lalu menyuruhnya mengutip serpihan mangkuk tersebut dan membawa kepada pemegang wakaf. Akhirnya beliau mendapat bayaran yang sama bagi harga mangkuk tersebut.⁹⁸

Selain itu, wakaf tunai yang merupakan salah satu instrumen jaminan sosial ini kebiasaannya digunakan bagi menjamin keperluan wanita-wanita yang tidak mempunyai keluarga atau ibu tunggal, membantu orang kurang upaya, anak yatim dan orang yang menderita penyakit kronik, menyediakan keperluan makanan kepada fakir miskin dan menguruskan kelengkapan penguburan bagi kalangan fakir miskin dan orang asing.⁹⁹ Malah dana wakaf turut memainkan peranan dalam menurunkan fungsi percukaian daripada menjadi punca pendapatan Negara kepada satu tahap cukai yang

⁹⁶ Norsiah Sulaiman dan Farahdina Abdul Manaf (2009), "Peranan Harta Wakaf dalam bidang Pembangunan dan Pendidikan Ummah: Fokus dalam bidang Perubatan", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, jil.1, 3 (1),h.2-30; Asming Yalawae & Izah Mohd Tahir (2008), *op.cit.*, h.1-14; Cengiz Toraman dan Berdiye Tuncsiper (2007),*op.cit.*, h.1-19; Dian Masyita (*et. al*) (2001), *op.cit.*, h.1-19; Abdul Halim Sunny (2007), *op.cit.*, h.33-44

⁹⁷ *Ibid.*

⁹⁸ Ibn Baṭūṭah (1377M), *Riḥlah Ibn Baṭūṭah*, Dhakar al-Awqāf bi Damshiq wa ba'du Faḍāi'l Ahlihā, Bayrūt: Dār Sāwir dan Dār Bayrūt (1960), h.104; *lihat juga* Rozali Othman (2006), "Institusi Wakaf: Realisasikan Matlamat Melahirkan Masyarakat Berkualiti Ke Arah Mencapai Wawasan Islam Hadhari Di Malaysia", (Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan), h.100-101; Asming Yalawae & Izah Mohd Tahir (2008), *op.cit.*, h.1-14; M. Jandra Moh. Janan (2008), *op.cit.*, h.419-452

⁹⁹ Cengiz Toraman dan Berdiye Tuncsiper (2007),*op.cit.*, h.1-19; Abdul Halim Sunny (2007), *op.cit.*, h.33-44; Shamsiah Abdul Karim (2010), *op.cit.*, h.143-164; (2006), *op.cit.*

kurang membebankan masyarakat sepertimana pendekatan wakaf tunai di zaman 'Uthmaniyyah.¹⁰⁰

Dalam perkembangan teknologi sekarang, dana wakaf tunai yang dikumpul bukan saja boleh dimanfaatkan di sesebuah Negara sahaja, malah bantuan kepada Negara-negara lain boleh disalurkan. Misalnya, peranan Islamic Relief Worldwide yang telah membantu mangsa-mangsa bencana alam seperti Tsunami dan gempa bumi di Indonesia, mangsa peperangan di Bosnia dan sebagainya. Majlis Ugama Islam Singapura juga melalui dana wakafnya telah memperuntukkan 8% daripada hasil harta wakafnya untuk membantu Negara lain, seperti Arab Saudi, India dan Indonesia.¹⁰¹

Memandangkan wakaf tunai ini satu sumber yang mempunyai potensi tinggi, maka pelbagai bentuk sumbangan dan kebajikan boleh disalurkan namun perlu diawasi agar nilai hukum Syara' terpelihara.¹⁰²

3.6 Kesimpulan

Pada awal perbincangan ini, pelbagai konsep dan teori pembangunan ekonomi yang diketengahkan oleh ahli-ahli ekonomi sama ada konvensional mahu pun Islam. Aspek pembangunan modal manusia ditekankan ke arah mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang. Penyediaan pendidikan, kesihatan dan pembasmian kemiskinan dapat menyumbang kepada penyediaan modal insan yang mampu menggerak dan membangunkan ekonomi negara. Dalam pada itu, Islam juga menekankan pembangunan kerohanian sebagai penyediaan kepada modal insan yang jujur, amanah,

¹⁰⁰ Muhammad Hisyam Mohamad (2008), "Menzahirkan Faham Kemanusiaan Menerusi Pinjaman Kecil Tanpa Faedah Wakaf Tunai", *Utusan Malaysia*, 21 Mac 2008, *lihat juga* Institut Kefahaman Islam Malaysia, http://www.ikim.gov.my/v5/index.php/imagesweb/imagesweb/file/event/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=1549&cmd=resetall, 15 Julai 2010

¹⁰¹ Shamsiah Abdul Karim (2010), *op.cit.*, h.143-164; (2006), *op.cit.*

¹⁰² Timur Kuran (2001), *op.cit.*, h.841-897; Duddy Roesmara Donna dan Mahmudi (2007), *op.cit.*; Agustianto M.Ag (2006), *op.cit.*, h.1-14

cepat dan berdaya saing supaya bukan sahaja pembangunan menyeluruh dan seimbang dalam kehidupan di dunia yang dicapai malah di akhirat jua.

Walaupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan prasarana dan kemudahan pendidikan, kesihatan, sosial dan kebajikan kepada penduduknya, namun didapati bumiputera Pulau Pinang yang rata-ratanya adalah masyarakat Islam masih perlu dibangunkan supaya tidak keciciran dalam arus pembangunan. Wakaf tunai yang merupakan aset masyarakat Islam, berpotensi besar menyediakan kos operasi bagi menubuhkan dan membiayai kemudahan atau perkhidmatan yang bertujuan membangunkan ekonomi, kerohanian, pendidikan, kesihatan, sosial dan kebajikan masyarakat Islam. Penyediaan kemudahan atau perkhidmatan ini penting bagi menyokong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.